



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/01/19 (HQ)

TNB TUTUP BILIK GERAKAN TERENGGANU SELEPAS SITUASI BANJIR PULIH

• Hanya 39 pencawang ditutup di Pahang dan Johor melibatkan 2,346 pengguna

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menutup bilik gerakan di negeri Terengganu pada 11 Januari 2021 berikutan keadaan banjir yang telah reda di negeri itu.

Penutupan itu dilakukan berikutan penutupan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) bagi daerah Kemaman, Dungun, Kerteh dan Al Muktafi Billah Shah. Semua pencawang elektrik yang sebelum ini terjejas ketika banjir kini telah beroperasi sepenuhnya dan mendapat bekalan daripada grid.

Dalam pada itu, sebanyak 39 pencawang elektrik di negeri Pahang dan Johor ditutup sementara setakat jam 2 petang hari ini, melibatkan 2,346 pengguna.

Daripada jumlah itu, 38 pencawang dihenti tugas di beberapa daerah di Pahang iaitu Pekan, Temerloh, Jerantut dan Bera, melibatkan 1,258 pengguna. Sembilan pencawang mendapat bekalan melalui set janakuasa bergerak.

TNB turut memberi bekalan kepada 13 pusat pemindahan sementara yang tidak menerima bekalan daripada pencawang melalui set janakuasa bergerak dan set janakuasa mudah alih.

Situasi banjir di Johor pula memerlukan TNB untuk menutup hanya satu pencawang elektrik di daerah Johor Bahru, melibatkan 1,088 pengguna.

Manakala di Kelantan, tiada pencawang elektrik yang ditutup susulan keadaan banjir yang semakin reda.

Penutupan pencawang elektrik ketika banjir dilakukan demi keselamatan pengguna dan TNB sentiasa berusaha memulihkan bekalan dengan mengambil kira aspek keselamatan pengguna dan pekerja TNB.

Bilik gerakan TNB di Kelantan, Pahang, dan Johor masih beroperasi untuk tujuan pemantauan selain bagi menyampaikan maklumat berkaitan bekalan.

Pengguna di kawasan banjir dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa sekiranya diminta berpindah dan menghubungi TNB Careline di talian 15454 jika ada

pepasangan TNB, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mahupun Jabatan Kerja Raya (JKR) yang beralih atau tumbang.

Sentiasa jauhkan diri daripada menghampiri tiang elektrik, pepasangan elektrik dan kabel elektrik- termasuk yang bersalut dengan penebat yang ditenggelami air. Semua ini mungkin masih mempunyai arus bekalan elektrik dan boleh menyebabkan risiko renjatan.

Orang ramai juga dinasihatkan agar berhati-hati ketika menggunakan peralatan elektrik jika premis mereka dinaiki air. Elakkan menyentuh alat elektrik atau suis dengan tangan yang basah dan lembap kerana ia boleh menyebabkan renjatan elektrik.

Setelah banjir surut, pengguna disaran untuk mendapatkan khidmat kontraktor pendawaian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bagi memeriksa pendawaian di dalam premis mereka yang dinaiki air.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 12 Januari 2021, jam 8:30 malam

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Warga kerja TNB Kemaman melakukan kerja-kerja mula tugas pencawang elektrik Bukit Mentok, Kemaman semalam selepas dipastikan selamat untuk beroperasi.